

## Nota Penyelidikan / Research Notes

### Laporan Akhir Projek Penyelidikan Antara Fakulti yang Bertemakan PEMBANDARAN DI KALANGAN KELAS BAWAH DI KUALA LUMPUR

#### Final Report on Research Project between Faculties Themed URBANISATION AMONGST LOWER CLASS IN KUALA LUMPUR

ABDUL RAHMAN EMBONG, HAIRI ABDULLAH, RAJMAH ABDUL SAMAD,  
ABDUL SAMAD ABDUL HADI, ISHAK SHARI & TOH KIN WOON

#### PENDAHULUAN

Projek penyelidikan yang bertemakan “Pembandaran di kalangan kelas bawah di Kuala Lumpur” ini telah mula dilaksanakan pada bulan Februari 1974. Oleh kerana penyelidikan ini merupakan satu kajian antara disiplin (*inter-disciplinary study*) maka anggota-anggota pasukan penyelidikan ini adalah terdiri dari tenaga pengajar dari empat jabatan di Universiti Kebangsaan Malaysia, iaitu Jabatan Antropologi dan Sosiologi dan Jabatan Geografi dari Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan dan Jabatan Ekonomi Pembangunan dan Perancangan dan Jabatan Perangkaan dan Analisa Kuantitatif dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan. Pada asalnya, pasukan penyelidikan ini mengandungi enam orang anggota iaitu:

1. Sdr Abdul Rahman Haji Embong (Jabatan Antropologi & Sosiologi) – Penyelaras Projek;
2. Sdr Hairi Abdullah (Jabatan Antropologi & Sosiologi);
3. Puan Rajmah Abdul Samad (Jabatan Antropologi & Sosiologi);
4. Sdr Abdul Samad Abdul Hadi (Jabatan Geografi);
5. Sdr Ishak Shari (Jabatan Perangkaan & Analisa Kuantitatif)
6. Sdr Toh Kin Woon (Jabatan Ekonomi Pembangunan & Perancangan).

Walau bagaimanapun, keadaan politik di kampus sejak peristiwa awal bulan Disember, 1974 telah mengakibatkan projek ini kehilangan penyelarasnya. Namun demikian, oleh kerana sebahagian besar kerja-kerja penyelidikan telah dapat diselesaikan sebelum bulan Disember 1974, maka anggota pasukan yang lain penyelidikan ini telah dapat meneruskan projek ini hingga ke peringkat akhir. Laporan ini merupakan laporan akhir mengenai projek penyelidikan ini.

#### TUJUAN PENYELIDIKAN

Pembandaran sering dikatakan sebagai satu bentuk perubahan yang akan mencetuskan pembangunan dan

kemajuan kepada sesebuah masyarakat. Pada pokoknya fenomena ini terjalin menerusi tiga proses, iaitu:

1. perubahan dari segi peralihan penduduk, khususnya penghijrahan penduduk-penduduk luar bandar ke bandar dan menetap di bandar;
2. perubahan dari segi pekerjaan dari pekerjaan pertanian kepada pekerjaan bukan pertanian (seperti perkhidmatan, perindustrian, dan lain-lain); dan
3. perubahan dari segi pola-pola hidup termasuk nilai, sikap dan perlakuan.

Sungguhpun bandar-bandar, terutamanya bandar-bandar besar didakwa sebagai pencetus perubahan, namun perubahan yang berlaku itu tidak semestinya mendatangkan keuntungan dan kesejahteraan kepada sebilangan besar rakyat sesebuah negara itu. Di Malaysia khususnya, kalangan golongan bawahan yang mendiami kawasan bandar, terutamanya bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, menghadapi berbagai masalah; antara lain, apabila seseorang itu berada atau berhijrah ke bandar-bandar besar, ia menghadapi dua masalah pokok, iaitu masalah mencari pekerjaan untuk menampung hidup keluarganya dan masalah mencari tempat tinggal untuk berteduh dari hujan dan panas. Kedua-dua masalah ini menjadi lebih serius pada masa ini kerana rendahnya taraf perindustrian dan kurangnya kemudahan-kemudahan sosial terutama perumahan. Akibatnya, masalah pengangguran di bandaraya Kuala Lumpur, misalnya, telah menjadi lebih serius lagi dan masalah persetinggan juga turut berleluasa. Kedua-dua masalah ini kemudiannya ditokokkan pula dengan beberapa masalah sosial lain seperti kejadian jenayah, pelacuran, pengedaran dadah dan perjudian.

Masalah persetinggan merupakan salah satu masalah yang amat serius di bandar-bandar hari ini akibat proses pembandaran yang begitu pesat. Bilangan setingan bagi seluruh negara hari ini adalah dianggarkan seramai 50,000 keluarga dengan penduduk seramai 300,000 orang. Di Wilayah Persekutuan saja, mengikut satu anggaran yang lain, bagi tahun 1973, terdapat 36,000 keluarga setingan dengan penduduk seramai 200,000 orang. Angka-angka ini menunjukkan dari jumlah setingan di seluruh negara, lebih 2/3

darinya berada di Kuala Lumpur. Seterusnya jumlah penduduk setinggan di Kuala Lumpur merupakan lebih kurang 25 peratus dari jumlah penduduk di bandaraya ini, yang menduduki hampir 13 peratus dari jumlah luas kawasan tanah Bandaraya.

Untuk mengatasi masalah persetinggan ini, pihak pemerintah telah mengambil beberapa langkah. Salah satu langkah yang telah diambilnya ialah dengan memindahkan setinggan dari kawasan yang hendak digunakan ke rancangan-rancangan rumah murah, ataupun ke rumah pangsa Dewan Bandaraya. Setakat ini terdapat sebanyak 1,456 unit rumah murah dan sebanyak 7,044 unit 'Rumah Pangsa Rakyat' di tujuh kawasan di Kuala Lumpur.

Memandangkan betapa seriusnya masalah yang dihadapi oleh golongan kelas bawahan di Kuala Lumpur pada masa ini seperti yang dimanifestasikan oleh kepesatan pertumbuhan kawasan-kawasan setinggan, maka adalah menjadi tujuan projek penyelidikan ini untuk melihat dengan lebih terperinci lagi masalah tersebut. Antara perkara yang telah dikaji termasuk:

1. Corak penghijrahan (serta sebab-sebabnya) ke Bandaraya Kuala Lumpur dari tempat asal atau dari tempat perpindahan sebelum masuk ke kawasan setinggan dan rumah pangsa;
2. Masalah kawasan sesak dan persetinggan dengan kadar perbandaran yang pesat, serta saiz, kepadatan dan pertambahan penduduk Bandaraya;
3. Masalah tempat tinggal (persetinggan dan penyewaan) dengan faktor-faktor kekurangan rumah harga murah atau tempat tinggal lain untuk pemilikan atau penyewaan anggota kelas bawahan di Kuala Lumpur;
4. Jenis pekerjaan dan paras pendapatan penduduk kelas bawahan di Kuala Lumpur dan kaitannya dengan masalah perumahan mereka;
5. Masalah kemiskinan di kalangan komuniti setinggan dan penyewa-penyewa rumah pangsa;
6. Pembentukan dan kehidupan sebuah komuniti setinggan berbanding dengan pembentukan dan kehidupan sebuah komuniti penyewa rumah pangsa, hubungan kekeluargaan dengan keluarga asal;
7. Hubungan antara jenis pekerjaan, paras pendapatan serta taraf pelajaran ibu bapa dengan taraf pelajaran dan masa depan kanak-kanak di dua kawasan berkenaan;
8. Masalah hubungan ras;
9. Ikatan dengan tempat kediaman kini (sama ada sebagai setinggan atau penyewa rumah pangsa) dan kemungkinan penetapan terus-menerus pada masa depan di Bandaraya, adakah mereka merasai "a sense of belonging" terhadap tempat kediaman dan komuniti mereka secara khusus dan Kuala Lumpur secara umumnya, ataupun adakah mereka membayangkan kemungkinan yang mereka akan kembali ke tempat asal mereka;

10. Penilaian terhadap langkah-langkah yang telah diambil kini berhubung dengan masalah perumahan di ibu kota, serta keberkesannya mengatasi punca masalah itu.

#### KAEDAH PENYELIDIKAN

Untuk mencapai matlamat penyelidikan ini, dua tinjauan sampel (sampel surveys) telah dijalankan di sebuah komuniti setinggan di Kampung Pantai dalam. Kampung setinggan ini terletak di hujung Jalan Pantai Dalam, Kuala Lumpur. Ianya hanyalah tiga atau empat batu dari pusat Bandaraya dan sebatu dari bangunan Angkasapuri. Kawasan kampung ini merupakan satu kawasan bekas perlombongan yang terletak di antara Sg. Kelang dan jalan kereta api Kuala Lumpur – Kelang. Di kampung setinggan ini, seramai 250 orang ketua keluarga telah ditemuduga dengan menggunakan borang soal selidik (*questionnaires*) yang telah disediakan. Kesemua ketua keluarga yang telah ditemu duga adalah terdiri dari orang Melayu. Tinjauan sampel ini mengambil masa lebih kurang dua bulan.

Tinjauan sampel yang kedua telah dijalankan di sebuah komuniti penyewa rumah pangsa Dewan Bandaraya di Batu 4 Jalan Cheras Kuala Lumpur. Seramai 290 orang ketua keluarga telah ditemu duga dengan menggunakan borang soal selidik. Dari jumlah ketua keluarga yang ditemu duga itu, 197 adalah terdiri daripada orang Melayu, 84 orang Tionghua dan 9 orang India. Tinjauan sampel ini juga mengambil masa lebih kurang dua bulan.

Di samping itu, ahli-ahli dalam kumpulan penyelidikan ini telah juga menemu duga beberapa orang penting dari kedua-dua komuniti tersebut seperti Ketua-ketua Kampung (rasmi dan tidak rasmi), Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Perpaduan Rakyat di Rumah Pangsa jalan Cheras, Penyelia Rumah Pangsa Jalan Cheras, dan lain-lain. Tujuan temu duga ini dijalankan ialah untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai satu-satu perkara yang dikaji. Seterusnya, beberapa orang pegawai di Dewan Bandaraya juga telah ditemui untuk mendapatkan maklumat mengenai rancangan-rancangan perumahan murah yang telah dilaksanakan untuk mengatasi masalah kekurangan rumah di Bandaraya Kuala Lumpur.

Ahli-ahli dalam kumpulan penyelidik ini juga telah menjalankan penyelidikan di beberapa perpustakaan untuk mencari bahan-bahan yang difikirkan berguna bagi kajian ini.

#### HASIL KAJIAN

Walaupun sampel-sampel yang dipilih dalam kajian ini adalah kecil berbanding dengan jumlah penduduk kelas bawahan yang dikaji, tetapi kami berpendapat bahawa

sebahagian besar daripada hasil kajian kami adalah mencerminkan masalah-masalah sosioekonomi yang dihadapi oleh kumpulan-kumpulan penghuni bandar ini. Oleh yang demikian, hasil kajian ini bolehlah digunakan sebagai panduan kasar kepada mereka yang terlibat dalam perancangan untuk mengatasi masalah-masalah sosioekonomi di Bandaraya Kuala Lumpur.

Antara perkara penting yang didapati dalam kajian ini termasuk:

1. Masalah persetingganan di Bandaraya Kuala Lumpur sebagai satu manifestasi kemiskinan bandar, merupakan satu masalah yang serius dan semakin bertambah besar. Mengikut satu anggaran pada tahun 1967-1968, terdapat 26,500 isi rumah setingganan dengan jumlah penduduk seramai 150,000 orang di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur. Pada tahun 1973, bilangan isi rumah setingganan di kawasan yang sama telah meningkat kepada 29,000 dengan bilangan penduduk seramai 165,000. Dalam tahun yang sama, bilangan setingganan di kawasan Wilayah Persekutuan adalah besar, iaitu sebanyak 36,000 isi rumah dengan jumlah penduduk seramai 20,000 orang. Angka ini adalah dua kali ganda jumlah penduduk Petaling Jaya ataupun mana-mana daerah, lebih tepat lagi masalah persetingganan di Bandaraya Kuala Lumpur. Pada tahun 1975, bilangan isi rumah setingganan di Wilayah Persekutuan telah meningkat kepada 39,000 dengan jumlah penduduk seramai 226,000 orang.
2. Dari segi taburannya pula, pada tahun 1967-1968, 20.4 peratus daripada setingganan di Kuala Lumpur adalah terdiri daripada orang Melayu, 67.2 peratus orang Tionghua dan 12.4 peratus orang India dan bangsa lain. Tetapi selepas itu, taburan penduduk setingganan di Kuala Lumpur mengikut bangsa lain telah mengalami perubahan besar. Pada tahun 1975, 45 peratus orang Tionghua dan 10 peratus orang India. Keadaan ini adalah hasil penghijrahan penduduk luar bandar ke kawasan bandar khususnya selepas tahun 1970 di mana Dasar Ekonomi Baru secara tidak langsung menggalakkan proses ini. Oleh kerana Kuala Lumpur merupakan pusat pentadbiran, perindustrian, perdagangan dan kebudayaan, sebahagian besar dari penghijrah-penghijrah ini telah datang ke Kuala Lumpur. Ramai daripada mereka ini adalah orang Melayu miskin yang datang dengan tujuan untuk memperbaiki keadaan ekonomi mereka. Tetapi oleh kerana taraf pelajaran mereka rendah dan mereka tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan oleh pekerjaan di bandar, maka mereka hanya dapat memperolehi pekerjaan yang berpendapatan rendah seperti buruh kilang, buruh kerajaan, penjaja, pengawal keselamatan kilang/firma, atendan pejabat, pemandu dan sebagainya. Dari tinjauan di Kampung Pasir Dalam, didapati bahawa 91.2 peratus daripada isi rumah setingganan yang telah ditemu duga adalah merupakan penghijrah dari kawasan luar bandar. Kebanyakan dari mereka berada dalam kemiskinan di tempat asal mereka. 96 peratus daripada mereka mendapat pendapatan bulanan kurang dari \$200. Ini adalah kerana sebahagian besar daripada mereka adalah penganggur ataupun tidak mempunyai pekerjaan tetap.
3. Sebahagian besar dari setingganan di Kuala Lumpur bolehlah digolongkan sebagai kumpulan miskin. Mengikut beberapa kajian yang telah dijalankan, lebih kurang dari \$300 sebulan iaitu garis kemiskinan yang telah dipersetujui oleh Kerajaan (RMT) untuk Kuala Lumpur.
4. Pendapatan bulanan yang rendah ini adalah hasil dari jenis pekerjaan yang mereka lakukan. Tinjauan di Kampung Pasir Dalam menunjukkan bahawa 28.6 peratus daripada ketua keluarga yang ditemu duga bekerja sebagai buruh kilang, 30 peratus sebagai buruh dalam Jabatan Kerajaan atau badan-badan berkanun, 13.7 peratus sebagai pemandu atau kalendan lori, 7.1 peratus sebagai pengawal keselamatan dan lain-lainnya sebagai buruh binaan, pengendali mesin cetak, atendan pejabat, polis, pekedai runcit dan kerani.
5. Keadaan tempat tinggal di kawasan-kawasan setingganan pada umumnya adalah sangat tidak memuaskan. Mengikut satu anggaran, lebih kurang 80 peratus daripada setingganan di Kuala Lumpur tidak mendapat bekalan elektrik, 75 peratus tidak mendapat bekalan air paip dan 35 peratus tidak mempunyai tandas yang sempurna. Di samping itu kawasan-kawasan setingganan juga tidak disediakan dengan kemudahan sosial yang lain seperti klinik dan tempat membuang sampah yang sempurna. Tinjauan di Kampung Pasir Dalam menunjukkan bahawa kesemua isi rumah yang ditemu duga tidak mendapat bekalan elektrik. Penduduk di kawasan ini mendapat bekalan air dari empat batang paip umum yang telah disediakan oleh kerajaan. Keadaan saluran air di kawasan itu adalah tidak memuaskan juga. Longkang-longkang yang dibuat sendiri dan secara berasingan oleh setingganan di situ adalah kecil dan akibatnya air kotor tidak dapat mengalir dengan sempurna. Tempat membuang sampah yang sempurna juga tiada. Dalam keadaan seperti ini, kemungkinan penyakit berjangkit menyerang penduduk kawasan setingganan adalah besar sekali.
6. Satu lagi masalah besar yang dihadapi oleh penduduk kawasan setingganan ialah masalah kesesakan. Rumah-rumah setingganan adalah terlalu rapat di antara satu dengan yang lain. Pada puratanya sebuah rumah setingganan mempunyai lima atau enam orang penghuni. Oleh kerana rumah setingganan kecil, maka timbullah masalah kesesakan dari segi bilangan orang per rumah.

7. Hubungan sosial di kalangan keluarga setinggan masih lagi mesra pada keseluruhannya. Semangat kerjasama atau gotong-royong dapat jelas dilihat apabila berlaku kematian atau kenduri kahwin. Keadaan ini merupakan satu faktor yang dapat memberi kestabilan kepada penghijrah yang baru sampai dari kawasan luar bandar. Namun demikian, terdapat juga sebilangan kecil keluarga setinggan yang telah memiliki sikap keindividualan yang sering terdapat di kawasan perumahan kelas menengah atau kelas atasan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Di samping itu, kekurangan kemudahan asas (seperti paip air) juga telah menimbulkan unsur-unsur perbalahan di kalangan penduduk setinggan.
8. Sebahagian besar dari penduduk di kawasan setinggan adalah terdiri dari kanak-kanak dan orang muda. Kajian di Kampung Pasir Dalam menunjukkan bahawa 52 peratus daripada jumlah penduduk yang telah diliputi oleh tinjauan kami adalah kanak-kanak dan muda-mudi yang berumur 15 tahun ke bawah. Satu perkara yang tidak menyenangkan yang telah berlaku di kalangan kanak-kanak setinggan ini ialah taraf pencapaian mereka yang rendah dalam bidang pelajaran. Dari jumlah kanak-kanak dan anak-anak muda yang telah berhenti sekolah, 59 peratus daripada mereka hanya mempunyai pelajaran hingga ke peringkat Darjah 6 atau kurang. Yang lainnya hanya dapat melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah menengah sahaja. Dalam keadaan sekarang, tingkat pencapaian mereka ini hanya membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang hampir serupa, jika tidak lebih buruk daripada ibu bapa mereka. Oleh yang demikian, tidaklah hairan jika 24.7 peratus daripada anak-anak muda yang telah berhenti sekolah masih lagi menganggur. Bagi mereka yang telah bekerja, 85 peratus mendapat pekerjaan seperti buruh kilang, buruh kerajaan, pengawal keselamatan, penjaja dan sebagainya dengan pendapatan yang kurang dari \$300.
9. Sebahagian daripada setinggan di Kuala Lumpur telah berpindah ke rumah pangsa murah yang dibina oleh Dewan Bandaraya. Mereka dipindahkan ke rumah pangsa apabila kawasan setinggan mereka diambil balik oleh kerajaan ataupun dimusnahkan oleh api dan banjir. Di rumah pangsa, mereka menjadi penyewa. Dari segi kemudahan sosial seperti elektrik dan air, keadaan rumah pangsa Dewan Bandaraya adalah lebih baik jika dibandingkan dengan keadaan di kawasan setinggan. Namun demikian, mereka yang telah dipindahkan ke rumah pangsa ini masih menghadapi masalah yang pernah mereka alami semasa menjadi setinggan dan di samping itu juga menghadapi masalah baru. Sebahagian besar daripada penghuni rumah pangsa masih tergolong sebagai kumpulan keluarga miskin. Kajian di Rumah Pangsa (RP) Jalan Cheras

menunjukkan bahawa 59.4 peratus daripada isi rumah yang ditemui menerima pendapatan kurang daripada garis kemiskinan \$300 sebulan. Peratusan ini adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan keadaan di Kampung Pasir Dalam. Ini adalah kerana sebahagian daripada penghuni Rumah Pangsa Jalan Cheras terdiri daripada mereka yang bukan asal dari kelas menengah bawah.

#### BEBERAPA CADANGAN

Setelah mengkaji masalah-masalah yang disebut di atas, kami juga telah mengesyorkan berbagai cara yang kami fikir mungkin dapat mengatasinya. Kami merasakan bahawa selagi masalah-masalah ini tidak diatasi, ianya boleh membawa implikasi yang buruk kepada negara dari segi sosial, ekonomi dan politik. Cadangan-cadangan yang telah disyorkan meliputi langkah-langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Antara langkah jangka masa pendek yang boleh difikirkan oleh pihak berkuasa termasuk:

1. Memperbanyakkan lagi rumah murah dan juga rumah pangsa di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Harga dan sewa yang dikenakan ke atas rumah ini haruslah berpatutan dengan pendapatan kebanyakan penduduk yang berpendapatan rendah di Kuala Lumpur. Di samping itu, kemudahan sosial seperti klinik dan tempat mainan kanak-kanak harus juga disediakan di kawasan perumahan ini.
2. Oleh kerana pihak kerajaan tidak mempunyai kemampuan untuk menyediakan rumah murah atau rumah pangsa bagi menempatkan mereka yang miskin dan memerlukan tempat tinggal, pihak kerajaan juga boleh memikirkan kemungkinan memberi Lesen Milik Sementara kepada setinggan yang tinggal dalam kawasan yang tidak mungkin digunakan oleh kerajaan dalam jangka masa pendek. Seterusnya, pihak kerajaan membekalkan kemudahan asas seperti air dan elektrik ke kawasan-kawasan ini. Walaupun langkah ini mungkin menggalakkan setinggan oportunis untuk menduduki kawasan setinggan, tetapi pihak kerajaan masih lagi boleh melaksanakan cadangan ini dengan syarat ia (iaitu kerajaan) mengambil tindakan yang tegas terhadap setinggan oportunistik ini.
3. Menentukan yang syarikat-syarikat besar dalam sektor swasta menanggung tanggungjawab sosial mereka dengan menyediakan rumah bagi kakitangan mereka. Ini mungkin dapat mengurangkan masalah perumahan di Bandaraya Kuala Lumpur.
4. Memikirkan langkah-langkah untuk memperbaiki taraf ekonomi penduduk miskin bandar. Sebagai contoh, pihak pemerintah boleh memperbanyakkan lagi pusat latihan teknikal kepada pekerja mereka dan seterusnya pendapatan mereka.

Antara langkah jangka masa panjang yang dapat disyorkan termasuk:

1. Mengadakan satu rancangan yang menyeluruh untuk mengurangkan keadaan ketidakseimbangan antara kawasan bandar dan luar bandar. Sebagaimana yang telah dinyatakan, masalah sosioekonomi penduduk kelas bawahan di Ibukota Kuala Lumpur telah menjadi lebih serius akibat kadar penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar yang pesat. Untuk mengurangkan kadar penghijrahan ini, keadaan ketidakseimbangan antara kawasan bandar dan luar bandar haruslah dikurangkan. Di samping itu, satu rancangan sosial yang menyeluruh juga harus difikirkan supaya kesan-kesan buruk akibat proses pembandaran dapat diminimakan.
2. Menimbang semula polisi yang menggalakkan orang Melayu luar bandar berhijrah ke bandar. Di sini kami tidak bermaksud supaya pihak pemerintah menyekat terus penghijrahan orang Melayu ke bandar. Apa yang dimaksudkan ialah pihak kerajaan harus pada suatu ketika mengimbang bilangan penghijrah luar bandar dengan peluang pekerjaan dan tempat tinggal yang boleh didapati oleh mereka. Jika ini tidak dilaksanakan, masalah-masalah yang dibincangkan di atas tadi akan berterusan.

Di samping syor-syor ini, pasukan penyelidik juga merasakan bahawa satu projek penyelidikan yang lebih besar dan menyeluruh harus dilaksanakan oleh pihak kerajaan dengan kerjasama tenaga penyelidik di institut pengajian tinggi untuk memahami dengan lebih lanjut lagi masalah-masalah yang telah kami kaji. Ini adalah perlu jika langkah-langkah yang hendak dilaksanakan nanti untuk mengatasi masalah ini mencapai objektifnya.

#### KERTAS KERJA & PENERBITAN

Gambaran yang lebih terperinci mengenai hasil kajian kami boleh diperolehi dari beberapa kertas kerja dan terbitan yang telah diusahakan oleh ahli-ahli penyelidik dengan menggunakan bahan yang diperolehi dari projek penyelidikan ini. Kertas-kertas kerja yang telah dibentangkan di beberapa seminar dan konvensyen adalah:

1. "A Brief Survey of the Urban Poor in Kuala Lumpur – the Squatters," oleh Ishak Shari. Kertas kerja ini telah dibentangkan di Colloquium mengenai "The Aetiology of Poverty" anjuran Persatuan Ekonomi Malaysia di Kuala Lumpur pada 15-17 Mac 1976.
2. "Urban Poor – the Case of the Cheras Road Flat-Dwellers" oleh Toh Kin Woon. Kertas kerja ini telah dibentangkan di Colloquium yang sama.
3. "Urbanisasi dan Pengangguran di Malaysia" oleh Ishak Shari. Kertas kerja ini telah dibentangkan di

Seminar Hari Belia anjuran Majlis Belia Malaysia pada 19-21 Mei 1976.

4. "A Study of Urban Poverty – the Kuala Lumpur Experience" oleh Ishak Shari. Kertas kerja ini dibentangkan di Konvensyen Ekonomi Malaysia Ketiga anjuran Persatuan Ekonomi Malaysia di Pulau Pinang pada 21-24 Ogos 1976.
5. "Problem affecting the Social and Intellectual Development of Children of Low-Income Families in Kuala Lumpur" oleh Ishak Shari. Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar mengenai "The Needs of the Children of Low-Income Families in Kuala Lumpur" anjuran bersama oleh Dewan Bandaraya, INTAN dan UNICEF di Bukit Fraser pada 11-13 Mei 1978.

Beberapa terbitan juga telah dapat diusahakan termasuk:

1. "The Squatters: The Urban Poor in Kuala Lumpur" oleh Ishak Shari dalam "Some Case Studies on Poverty in Malaysia" oleh B.A.R. Mokhzani & Khoo Siew Mun (editors), Kuala Lumpur 1977.
2. "The Urban Poor – The Case of Cheras Road Flat Dwellers" oleh Toh Kin Woon dalam buku yang sama.
3. Urbanisasi dan Kemiskinan Bandar – Satu kajian kes terhadap komuniti setinggan dan komuniti rumah pangsa di Kuala Lumpur. (Satu monograf yang sedang diusahakan bersama ahli-ahli penyelidik projek ini).

#### PERBELANJAAN

Walaupun projek penyelidikan ini telah diperuntukkan sebanyak \$10,200.00, tetapi sehingga kini kami telah menggunakan sebanyak \$7,487.00 sahaja.

#### KESIMPULAN

Sebagai penutup, pasukan penyelidik kajian mengenai "Pembandaran di kalangan Kelas Bawahan di Kuala Lumpur" ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kami kepada semua pihak yang berkenaan di UKM, khususnya Jawatankuasa Penyelidikan Universiti, yang telah memberi sokongan dan kerjasama untuk menjayakan projek penyelidikan ini. Adalah diharapkan kerjasama dan sokongan yang sedemikian rupa dapat diteruskan di masa-masa yang akan datang. Kami juga berharap pihak Jawatankuasa Penerbitan Universiti akan dapat menerbitkan monograf kami apabila siap nanti.

Sekian, terima kasih

Bertarikh: 27.5.78  
Pejabat Dekan FSKK, UKM